

From: Jabatan Bendahari UUM -BEND
Sent: Ahad, 19 Februari 2017 9:42 pg
To: UUM - All Staff
Subject: PENYATA EC 2016



19 FEBRUARI 2017 / 22 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PENYATA EC 2016 SUDAH BOLEH DISEMAK/DICETAK MELALUI PORTAL STAF

Assalamualaikum & Salam 1 Malaysia

Dimaklumkan bahawa Penyata EC 2016 telah sedia untuk disemak/dicetak melalui portal staf masing-masing. Mohon ambil maklum bahawa tempoh pengisytiharan cukai tahunan melalui *e-filing* kebiasaannya akan dibuka mulai awal Mac hingga hujung April setiap tahun. Untuk kepastian lanjut, tuan/puan boleh menyemak laman web LHDN di www.hasil.gov.my dari masa ke semasa.

Untuk makluman tuan/puan lagi, mulai tahun 2015 selaras dengan hasrat LHDN untuk melaksanakan '*PCB/MTD AS A FINAL TAX*', LHDN telah menguatkuasakan satu peraturan baru di mana tuan/puan yang telah dipotong gaji untuk membayar Cukai Pendapatan melalui Potongan Cukai Bulanan (PCB) diberi pilihan untuk melaksanakan pengisytiharan cukai tahunan atau sebaliknya.

Ini bermakna, sekiranya tuan/puan memilih untuk tidak melaksanakan pengisytiharan cukai melalui *e-filing*, jumlah terkumpul potongan gaji PCB dalam tahun taksiran berkenaan akan dianggap sebagai jumlah cukai yang dipersetujui oleh tuan/puan untuk dibayar kepada LHDN dalam tahun taksiran berkenaan. Sebaliknya sekiranya tuan-puan tidak bersetuju dengan potongan PCB dalam tahun taksiran berkenaan (kerana tuan/puan mungkin hendak menuntut pelepasan-pelepasan cukai lain contohnya seperti perubatan/insurans/buku/majalah/komputer dan lain-lain perbelanjaan yang dibenarkan), tuan/puan boleh membuat pengisytiharan cukai dan menuntut pelepasan-pelepasan sewajarnya melalui *e-filing* seperti biasa.

Jabatan Bendahari sekali lagi ingin memaklumkan bahawa formula pengiraan PCB di UUM **buat masa ini** hanya mengambil kira perkara-perkara berikut:

- 1) Status perkahwinan staf yang diisytiharkan di PERSIS
- 2) Bilangan anak-anak dan tahap pendidikan anak-anak yang dikemaskini melalui Portal Staf – maklumat ini perlu dikemaskini sendiri oleh tuan/puan (cara untuk kemaskini: **Di bahagian Maklumat Keluarga > Anak-anak > Papar - sila tuan/puan kemaskini semua maklumat yang bertulisan biru**)
- 3) Potongan Zakat bulanan melalui slip gaji

- 4) Caruman KWSP bulanan (had amaun yang diambil kira dalam pengiraan adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh LHDN dari masa ke semasa)

Sebarang masalah atau pertanyaan lanjut berkaitan Penyata EC, sila hubungi Unit Gaji, Jabatan Bendahari di sambungan 3213 (Pn. Lela).

Sekian, harap maklum & terima kasih.

<https://www.facebook.com/UumBursary>

<http://bendahari.uum.edu.my/>

"Melestarikan Kewangan Universiti"



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.